

CODE OF CONDUCT

KOD TATALAKU





Semangat Sumitomo

Banji-nissei

萬事入精

Shinyo-kakujitsu

信用確實

Fusu-furi

不趨浮利

Rakan-rakan Sekalian,

Dengan sejarah membanggakan selama lebih daripada 120 tahun, Sumitomo Electric Group ("SEG") mempunyai tradisi perniagaan yang panjang selaras dengan prinsip Semangat Sumitomo. Kami berusaha mencipta kecemerlangan dalam pekerjaan kami, dan kami mengamalkan integriti dalam tingkah laku perniagaan kami. Kami beroperasi bukan sekadar berpaksikan undang-undang dan peraturan, malahan mengikut standard etika yang tertinggi.

Prinsip-prinsip Semangat Sumitomo, yang dibangunkan 400 tahun lalu, membimbing aktiviti perniagaan kami setiap hari. Kami semua perlu menunjukkan Semangat Sumitomo di dalam pekerjaan kami.

- **Banji-nissei** – Lakukan setulus ikhlas, bukan hanya dalam perniagaan tetapi dalam setiap aspek kehidupan anda.
- **Shinyo-kakujitsu** – Utamakan integriti dan pengurusan yang baik.
- **Fusu-furi** – Jangan sesekali korbankan integriti demi mengaut keuntungan mudah.

Kod Tatalaku ini, yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah kami, adalah berlandaskan Semangat Sumitomo dan menetapkan standard kelakuan yang diharapkan daripada setiap daripada kami dan membantu membimbing kami dalam menjalankan perniagaan dengan integriti. Walaupun ia tidak dapat melitupi setiap situasi, namun ia memberikan anda sumber yang diperlukan untuk membuat keputusan beretika.

Setiap daripada kami, sebagai anggota SEG, memainkan peranan penting dalam memastikan seluruh kumpulan kami mematuhi undang-undang dan peraturan. Setiap daripada kami bertanggungjawab untuk mengetahui, memahami, dan mematuhi Kod dan semua dasar yang dirujuk di dalamnya.

Saya meminta setiap daripada anda untuk membuat komitmen peribadi untuk menjalankan perniagaan selaras dengan Semangat Sumitomo dan Kod Tatalaku ini. Rujuk Kod ini di dalam pekerjaan anda, gunakan penghakiman yang baik, dan dapatkan bimbingan jika anda memerlukan bantuan tambahan. SEG memberikan anda beberapa platform untuk dirujuk apabila anda mempunyai soalan atau ingin membangkitkan kebimbangan, termasuk penyelia anda, Perunding Pematuhan Tempatan anda, dan Jabatan Perundangan, serta Pejabat Pematuhan & Pengurusan Risiko di Jepun.

Sementara kami terus menumpukan usaha untuk mengembangkan perniagaan, kami juga harus ingat untuk menjalankan perniagaan dengan integriti. Terima kasih di atas pekerjaan yang anda lakukan untuk SEG setiap hari, dan komitmen anda untuk melakukan kerja itu sesuai dengan Semangat Sumitomo.



Osamu Inoue

Presiden & COO

Sumitomo Electric Industries, Ltd.

Isi Kandungan

KOMITMEN KAMI TERHADAP KOD

Kod Kami.....	5
Kod Ini Terpakai Kepada Siapa?.....	5
Apakah Yang Berlaku Jika Undang-Undang Tempatan Saya Berbeza Dengan Dasar Di Dalam Kod?.....	5
Program Pematuhan Dan Etika Kami.....	5
Tanggungjawab Kami.....	5
Tanggungjawab Penyelia Dan Ketua.....	6
Mendapatkan Bimbingan Dan Melaporkan Kebimbangan.....	6
Mendapatkan Bimbingan.....	6
Melaporkan Kebimbangan.....	6
Talian Khidmat Pelanggan.....	7
Tiada tindakan balas.....	7
Selepas Laporan Diterima.....	7
Penalti Untuk Pelanggaran.....	7

KOMITMEN KAMI UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN BERETIKA

Pematuhan Undang-Undang.....	8
Pengurusan Yang Adil Dan Jujur.....	8
Kami Patuh Kepada Undang-Undang Anti Monopoli Dan Persaingan.....	8
Kami Tidak Menawarkan Atau Menerima Rasuah.....	9
Hadiah Dan Hiburan.....	10
Berurusan Dengan Kerajaan.....	11
Perdagangan Antarabangsa.....	11
Perdagangan Orang Dalam.....	12
Sumbangan Dan Aktiviti Politik.....	13

KOMITMEN KAMI KEPADA SYARIKAT

Buku Dan Rekod Syarikat.....	13
Konflik Kepentingan.....	13
Perlindungan Dan Penggunaan Aset Syarikat Dengan Betul Dan Pencegahan Penipuan.....	14
Maklumat Sulit Dan Harta Intelektual Lain.....	15
Internet Dan Penggunaan Teknologi Komunikasi Maklumat.....	15
Berhubungan Dengan Pihak Media Dan Lain-Lain.....	16

KOMITMEN KAMI KEPADA PEKERJA KAMI DAN ALAM SEKITAR KAMI

Menghormati Satu Sama Lain 17

Anti Diskriminasi Dan Gangguan 17

Privasi Pekerja Dan Data Peribadi 17

Keselamatan Di Tempat Kerja 18

Kualiti 18

Pematuhan Alam Sekitar 18

Hak Asasi Manusia 18

KE MANA SAYA BOLEH RUJUK? 19



KOMITMEN KAMI TERHADAP **Kod**



KOD KAMI

Kod ini adalah pernyataan nilai bersama kami dan standard tatalaku yang diharapkan daripada setiap daripada kami. Ia menerangkan prinsip-prinsip asas dan dasar-dasar utama yang mengawal cara kami menjalankan perniagaan. Disebabkan kejayaan kami bergantung kepada reputasi kami, dalam banyak keadaan, dasar-dasar yang dirujuk di dalam Kod mengatasi keperluan undang-undang.

Anda perlu membaca Kod dengan berhati-hati dan pastikan anda memahami Kod ini dan kepentingannya untuk kejayaan Syarikat kami. Jika anda mempunyai sebarang soalan, berbincanglah dengan penyelia anda atau mana-mana sumber lain yang dikenal pasti di dalam Kod ini.

Kod ini terpakai kepada siapa?

Kod ini terpakai kepada semua pekerja, pegawai, dan pengarah Syarikat, di setiap peringkat, termasuk pekerja syarikat subsidiari dan syarikat pengendali. Kami juga berharap rakan kongsi perniagaan kami berperilaku selaras dengan prinsip Kod kami semasa mereka menjalankan perniagaan dengan kami.

Apakah yang berlaku jika undang-undang tempatan saya berbeza dengan dasar di dalam Kod?

Sebagai sebuah syarikat global, mungkin ada ketika di mana undang-undang tempatan atau keperluan undang-undang lain berbeza daripada standard yang ditetapkan dalam Kod ini, atau di mana anda tertakluk kepada undang-undang yang bercanggah. Kami sentiasa mematuhi undang-undang yang berkaitan. Sekiranya anda sedia maklum akan konflik percanggahan antara Kod kami dan undang-undang, hubungi Jabatan Perundangan untuk bantuan.

PROGRAM PEMATUHAN DAN ETIKA KAMI

Program Pematuhan dan Etika kami adalah satu lagi contoh komitmen kami dalam menjalankan perniagaan selaras dengan Semangat Sumitomo. Program ini mempunyai beberapa matlamat yang mudah tetapi kritikal – untuk membantu setiap daripada kami memahami apa yang dikehendaki undang-undang dan menyediakan sumber untuk membantu kami mematuhi. Pejabat Pematuhan & Pengurusan Risiko, yang diarahkan oleh Jawatankuasa Pematuhan SEG, mempunyai kuasa dan tanggungjawab utama untuk mengawasi Program Pematuhan dan Etika kami. Di samping itu, setiap syarikat kumpulan kami mempunyai Perunding Pematuhan Tempatan yang membantu Program, dan berfungsi sebagai sumber kepada semua orang. Kod ini adalah bahagian penting Program dan komitmen Syarikat terhadap etika perniagaan.

TANGGUNGJAWAB KAMI

Kami mesti mematuhi yang berikut:

- Baca dan fahami Kod ini dan dasar Syarikat kami yang berkaitan dengan tugas anda.
- Patuhi undang-undang dan peraturan, Kod ini dan dasar Syarikat.
- Sekiranya mengetahui dan menyaki kod, undang-undang yang berkaitan, atau dasar Syarikat dilanggar, laporkan kepada penyelia anda atau sumber lain yang dikenal pasti dalam Kod.
- Dapatkan panduan daripada penyelia anda, Perunding Pematuhan Tempatan, Jabatan Perundangan, Sumber Manusia, atau mana-mana sumber lain yang dikenal pasti dalam Kod jika anda memerlukan bantuan.
- Bekerjasama di dalam siasatan, audit, dan ulasan lain Syarikat.

TANGGUNGJAWAB PENYELIA DAN KETUA

Jika anda seorang penyelia atau ketua Syarikat, anda mempunyai kewajipan khas untuk mengamalkan nilai-nilai yang tertera di dalam Kod kami dan Semangat Sumitomo serta menggalakkan para pekerja melakukan perkara yang sama. Penyelia dan ketua Syarikat kami mesti melakukan perkara-perkara berikut:

- **Cipta budaya "bersuara"**. Kekalkan persekitaran tempat kerja di mana pekerja berasa selesa bertanyakan soalan dan menyuarakan kebimbangan.
- **Menjadi model contoh**. Menjadi contoh perniagaan yang dijalankan berdasarkan Kod dan Semangat Sumitomo.
- **Menyokong Program Pematuhan dan Etika**. Menggalakkan pekerja untuk merujuk kepada Kod; pastikan mereka yang bekerja dengan anda sudah biasa dengan dasar yang berkaitan dengan kerja mereka; menyokong latihan pematuhan dan komunikasi Syarikat; dan membantu dalam melaksanakan Program Pematuhan dan Etika di kawasan anda.
- **Dengar dan berikan bimbingan**. Bersedia menerima pekerja yang datang kepada anda untuk menyuarakan kebimbangan dan bertanyakan soalan. Membantu pekerja membuat keputusan beretika.
- **Rujukkan kebimbangan kepada jabatan yang berkenaan**. Sekiranya anda mengetahui tentang salah laku yang disyaki, rujuk perkara tersebut kepada Perunding Pematuhan Tempatan anda, Jabatan Perundangan, Sumber Manusia, atau mana-mana sumber lain yang dikenal pasti dalam Kod ini.

MENDAPATKAN BIMBINGAN DAN MELAPORKAN KEBIMBANGAN

Mendapatkan Bimbingan

Kod ini tidak dapat menangani setiap situasi yang mungkin timbul. Sekiranya anda tidak pasti apa yang diperlukan oleh undang-undang atau dasar Syarikat, atau jika anda mendapati diri anda berada dalam keadaan etika yang sukar, dapatkan bimbingan daripada salah satu sumber yang tersedia kepada anda, termasuk penyelia, Perunding Pematuhan Tempatan, Jabatan Perundangan, atau Sumber Manusia.

Melaporkan Kebimbangan

Jika anda mengsyaki atau mengetahui tentang pelanggaran undang-undang, Kod, atau dasar Syarikat kami, anda bertanggungjawab untuk melaporkannya. Melaporkan salah laku yang disyaki atau masalah lain membantu melindungi Syarikat kami, rakan sekerja anda dan masyarakat. Syarikat kami menyediakan beberapa saluran di mana anda boleh melaporkan kebimbangan, termasuk:

- Penyelia anda
- Perunding Pematuhan Tempatan Anda
- Jabatan Perundangan
- Sumber Manusia
- Talian khidmat pelanggan (dalaman / luaran)

S Saya berasa tidak selesa dengan sesuatu yang berlaku di tempat kerja, tetapi saya tidak mempunyai bukti kukuh bahawa Kod kami telah dilanggar. Apakah yang patut saya lakukan?

J Anda harus mendapatkan bimbingan, atau melaporkan kebimbangan anda, menggunakan sumber yang diterangkan dalam Kod. Sekiranya anda menunggu, mungkin terlambat untuk mengelakkan kemudaratan kepada Syarikat atau orang lain akibat kemungkinan pelanggaran. Syarikat akan menyasat perkara tersebut dengan sewajarnya.

Talian Khidmat Pelanggan

Syarikat kami menyediakan Talian Khidmat Pelanggan supaya pekerja dapat menghubungi atau menghantar e-mel untuk melaporkan salah laku yang disyaki atau mendapatkan bimbingan mengenai dasar Syarikat atau undang-undang yang berkaitan.

Di kebanyakan tempat, pekerja boleh menghubungi Talian Khidmat Pelanggan secara anonim. Undang-undang yang mengawal talian khidmat pelanggan berbeza di sesetengah negara dan kadangkala lebih ketat. Dalam keadaan ini, anda harus merujuk kepada sumber-sumber yang digariskan dalam Kod ini, panduan dalaman syarikat anda, atau laman intranet tempatan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sama ada anda boleh dan, jika ya, cara membuat laporan dari negara tempat anda berada.

Tiada tindakan balas

Syarikat kami melarang tindakan balas terhadap pekerja kerana membuat laporan dakwaan salah laku yang disyaki. Sekiranya anda mengetahui tindakan balas (terhadap anda atau pekerja lain), laporkan segera kepada Jabatan Perundangan atau mana-mana sumber lain yang dikenal pasti dalam Kod ini. Syarikat kami akan menyiasat perkara itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Selepas Laporan Diterima

Laporan salah laku yang disyaki akan disiasat dengan sewajarnya dan diperlakukan serahsia yang mungkin. Anda tidak patut menjalankan siasatan anda sendiri. Siasatan sering melibatkan isu perundangan yang rumit, dan bertindak dengan sendiri boleh menjejaskan siasatan dan memberi kesan negatif kepada anda dan Syarikat.

PENALTI UNTUK PELANGGARAN

Tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan, kakitangan Syarikat yang melanggar undang-undang, Kod ini, atau dasar Syarikat adalah tertakluk kepada tindakan tatatertib, termasuk penamatan pekerjaan. Di samping itu, mana-mana penyelia yang mengarahkan atau membenarkan pelanggaran, atau mengetahui berlaku pelanggaran dan tidak melaporkannya dengan segera, adalah tertakluk kepada tindakan disiplin.

KOMITMEN KAMI UNTUK

Menjalankan Perniagaan Beretika

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Aktiviti perniagaan Syarikat kami adalah tertakluk kepada sejumlah besar undang-undang, peraturan, dan aktiviti penguatkuasaan di seluruh dunia. Landskap undang-undang dan kawal selia di mana kami beroperasi adalah sangat mencabar. Di Syarikat kami, kami memahami bahawa pematuhan undang-undang yang berkaitan merupakan sebahagian penting daripada kewajipan kepada komuniti kami. Kami komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada kami.

PENGURUSAN YANG ADIL DAN JUJUR

Kami menjalankan perniagaan dengan penuh kejujuran dan integriti. Kami berurusan secara adil dengan pelanggan, pembekal, pesaing, pekerja, pengawal selia, dan orang lain. Kami tidak mengambil keuntungan daripada orang lain melalui ketidakjujuran atau amalan perniagaan yang tidak adil. Kami menghasilkan barangan dan menyediakan perkhidmatan yang boleh kami banggakan. Apabila memasarkan, kami menerangkan produk dan perkhidmatan kami dengan cara yang adil dan tepat.

KAMI PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG ANTI MONOPOLI DAN PERSAINGAN

Walaupun Syarikat bersaing dengan bersungguh-sungguh dalam semua aktiviti perniagaannya, usahanya di pasaran harus dijalankan sesuai dengan undang-undang anti monopoli dan persaingan yang berkaitan. Antara kesalahan anti monopoli yang paling serius adalah perjanjian antara pesaing yang membatasi pertimbangan bebas sebuah syarikat, seperti perjanjian untuk menetapkan harga, menyekat pengeluaran, mengawal kualiti produk,

atau membahagikan pasaran untuk pelanggan, wilayah, atau produk. Anda tidak patut bersetuju dengan mana-mana pesaing di dalam mana-mana topik ini, kerana perjanjian ini selalunya menyalahi undang-undang dan melanggar dasar Syarikat.

Perjanjian yang menyalahi undang-undang tidak perlu secara bertulis atau perjanjian ekspres. Mahkamah boleh mengesahkan perjanjian berdasarkan perbincangan tidak rasmi atau pertukaran maklumat antara pesaing sehingga boleh mewujudkan perjanjian haram.

Berhati-hati untuk tidak berbincang atau bertukar dengan pesaing kami (walaupun dalam mesyuarat tidak rasmi) maklumat sensitif yang kompetitif yang tidak terdapat di lapangan awam seperti:

- Harga semasa atau hadapan, margin keuntungan atau strategi harga dan terma berkaitan harga (surcay, diskaun, rebat)
- Maklumat terperinci kos (misalnya berkaitan dengan input penting) yang berkaitan dengan produk tertentu
- Maklumat strategik yang mendedahkan pendekatan Syarikat untuk berunding dengan pelanggan tertentu, menasarkan pelanggan tertentu, atau aktiviti strategik yang serupa
- Butiran tawaran perkhidmatan baru sensitif yang kompetitif, pelan pemasaran dan produk
- Maklumat berkaitan dengan pampasan atau faedah pekerja

Dengan mengumpulkan para pesaing bersama, persatuan perdagangan dapat membangkitkan kebimbangan anti monopoli, walaupun kumpulan tersebut juga dapat melaksanakan banyak tujuan yang sah. Anda haruslah memaklumkan Perunding Pematuhan Tempatan anda atau Jabatan Perundangan sebelum menyertai persatuan perdagangan atau menghadiri mesyuarat di mana topik-topik sensitif yang kompetitif dibincangkan. Syarikat kami mempunyai prosedur terperinci yang mengawal situasi ini. Rujuk Peraturan Pematuhan Undang-Undang Persaingan untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Aktiviti lain yang boleh membangkitkan kebimbangan di bawah undang-undang anti monopoli dan persaingan adalah:

- Bersetuju dengan pembekal untuk menghadkan jualan pembekal kepada pesaing Syarikat
- Mengawal harga jual semula dalam urusan niaga dengan pengedar atau perantara komersial
- Pengunduran bersama untuk menangani pesaing, pembekal, atau pelanggan
- Perjanjian urusanniaga eksklusif di mana pelanggan membeli atau pembekal menjual, hanya kepada satu syarikat sahaja
- Aturan yang mengikat di mana sebagai syarat untuk membeli satu produk, pelanggan atau pembekal diperlukan, juga untuk membeli produk kedua yang berbeza
- “Predatory pricing,” di mana sebuah syarikat menawarkan diskaun yang menyebabkan harga jualan suatu produk berada di bawah kos produk untuk suatu tempoh, dengan niat untuk memaksa pesaing keluar daripada pasaran

Sukar untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti adalah anti-persaingan, maka sila rujuk Perunding Pematuhan Tempatan, Pegawai Pematuhan Undang-Undang Persaingan atau Jabatan Perundangan untuk panduan.

S Seorang kawan rapat dari kolej bekerja untuk salah satu pesaing kami. Minggu lepas, beliau bertanya kepada saya mengenai maklumat sensitif yang kompetitif untuk salah satu produk terlaris kami. Saya telah berjaya mengelakkan perkara ini, tetapi saya ingin mendapatkan panduan sekiranya ia berlaku lagi.

J Anda mesti mengelak daripada bercakap tentang maklumat sensitif yang kompetitif dengan mana-mana pesaing Syarikat. Walaupun kami memahami bahawa, dalam situasi sosial, kadang-kadang sukar untuk bertindak dengan sewajarnya, anda perlu menjelaskan kepada rakan anda bahawa dasar SEG melarang anda daripada bercakap mengenai harga atau syarat jualan lain dengan pesaing.

KAMI TIDAK MENAWARKAN ATAU MENERIMA RASUAH

Rasuah menyebabkan kemudaratan besar kepada komuniti, dan ia boleh menyebabkan kerosakan yang ketara kepada Syarikat. Rasuah melibatkan penawaran, pemberian, atau menerima sesuatu yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau mendapatkan kelebihan perniagaan secara tidak wajar.

Anda tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, membenarkan, menawarkan, berjanji, memberi, atau meminta, bersetuju untuk menerima, atau menerima rasuah.

Rasuah bukanlah selalu melibatkan pembayaran secara tunai. Rasuah boleh wujud dalam pelbagai bentuk, termasuk hiburan, diskaun yang tidak sesuai, memberi pekerjaan kepada ahli keluarga seseorang yang anda mahu pengaruhi, atau membuat sumbangan amal untuk mempengaruhi keputusan perniagaan. Rasuah boleh berupa apa sahaja yang bernilai kepada penerima. Di samping itu, jumlah rasuah yang ditawarkan atau dibayar adalah tidak relevan. Jika anda diminta membuat bayaran wang atau sebarang nilai yang mungkin menjadi rasuah, laporkan perkara itu kepada Jabatan Perundangan dengan segera.

Kebanyakan negara mempunyai undang-undang larangan merasuah pegawai kerajaan. Pekerja organisasi milik kerajaan (seperti syarikat telekomunikasi milik kerajaan

negeri, syarikat tenaga, atau hospital) dianggap sebagai pegawai kerajaan di bawah kebanyakan undang-undang anti rasuah. Banyak negara juga melarang merasuah individu atau syarikat swasta. Syarikat dengan tegas melarang rasuah dalam semua keadaan, sama ada ia melibatkan pegawai kerajaan, individu persendirian, atau syarikat lain. Pelanggaran undang-undang anti-rasuah boleh menyebabkan akibat yang serius kepada anda dan Syarikat kami, termasuk merosakkan reputasi kami, denda yang besar, dan hukuman penjara untuk individu. Anda patut mengelakkan aktiviti yang mencadangkan sesuatu yang tidak sepatutnya.

Syarikat boleh dipertanggungjawabkan untuk kesalahan rasuah yang dilakukan oleh pihak ketiga yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat kami. Kami mesti berhati-hati dalam memilih rakan kongsi dan agen perniagaan kami, dan periksa, jika perlu, untuk memastikan bahawa mereka tidak melakukan rasuah atas nama kami. Mematuhi prosedur Syarikat apabila membina hubungan dengan pihak ketiga. Dan, jangan sekali-kali mengabaikan tanda-tanda amaran bahawa rakan perniagaan mungkin terlibat dalam kegiatan yang tidak sah atau tidak beretika. Sekiranya anda sedar bahawa salah satu daripada rakan perniagaan kami adalah, atau mungkin, memberi atau menerima rasuah, jangan melibatkan diri dan maklumkan kepada Perunding Pematuhan Tempatan, Pengurus Pencegahan Rasuah, atau Jabatan Perundangan secepat mungkin.

Secara amnya, dorongan perniagaan, seperti perbelanjaan yang berpatutan untuk jamuan yang berkait secara langsung dengan promosi perniagaan atau prestasi kontrak, tidak dilarang. Walau bagaimanapun, undang-undang yang mengawal pemberian jamuan dan dorongan perniagaan untuk pegawai kerajaan adalah kompleks, dan ianya berbeza dari satu tempat ke tempat yang lain. Untuk memastikan pematuhan, anda mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pengurus Pencegahan Rasuah anda dan Jabatan Perundangan sebelum menyediakan jamuan, hadiah, hiburan, perbelanjaan perjalanan atau apa-apa jenis dorongan perniagaan kepada pegawai kerajaan. Anda juga perlu menyimpan rekod tepat mengenai perbelanjaan tersebut.

S Adakah terdapat tanda-tanda amaran yang mungkin menunjukkan bahawa rakan perniagaan atau agen kami mungkin terlibat dalam rasuah?

J Ya, terdapat beberapa "bendera merah" yang perlu diberi perhatian apabila anda mengurusniaga dengan mana-mana rakan niaga atau agen, termasuklah:

- Transaksi perniagaan berlaku di negara yang mempunyai reputasi rasuah dan penyelewengan.
- Rakan kongsi atau agen perniagaan tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan kerja atau menyediakan perkhidmatan yang diminta.
- Rakan kongsi atau agen perniagaan meminta syarat pembayaran yang luar biasa seperti yuran pendahuluan besar, atau meminta pembayaran dibuat ke akaun atau kepada seseorang di negara lain.
- Rakan kongsi atau agen perniagaan enggan bersetuju dengan peruntukan anti-rasuah dalam kontrak kami.
- Rakan kongsi atau agen perniagaan mempunyai kaitan dengan pegawai kerajaan yang berkuasa membuat keputusan mengenai perniagaan kami.

HADIAH DAN HIBURAN

Apabila anda terlibat dalam membuat keputusan perniagaan bagi pihak Syarikat, keputusan anda mestilah berasaskan penghakiman yang tidak dikompromikan. Jangan menerima hadiah atau lain-lain faedah yang boleh menjejaskan atau kelihatan boleh menjejaskan pertimbangan atau keputusan perniagaan anda.

Anda tidak boleh sekali-kali meminta hadiah, hiburan, atau sebarang dorongan perniagaan daripada mereka yang menjalankan perniagaan dengan Syarikat. Hadiah wang tunai atau kesetaraan tunai seperti kad hadiah dalam sebarang jumlah adalah dilarang tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu. Memberi atau menerima sebarang hadiah atau hiburan dalam bentuk rasuah adalah dilarang. Kami juga tidak pernah memberi atau menerima hiburan atau hadiah yang tidak konsisten dengan standard Syarikat sebagai menghormati individu.

Hadiah dan dorongan perniagaan yang tidak diminta, termasuk makanan dan hiburan, dibenarkan jika ianya adalah adat perniagaan biasa dan biasa diterima; tidak berlebihan di dalam nilai dan kekerapan; dan diberikan dan diterima tanpa pemahaman yang nyata atau tersirat bahawa penerima dalam apa jua cara diwajibkan menerima hadiah tersebut. Hadiah yang terlalu bernilai atau luar biasa tidak boleh ditawarkan atau diterima tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pengurus Pencegahan Rasuah.

Kebanyakan pembekal dan pelanggan kami mempunyai dasar hadiah dan hiburan mereka sendiri. Berhati-hati memberi atau menerima hadiah atau hiburan yang berkemungkinan melanggar dasar hadiah dan hiburan syarikat lain.

S Saya ingin memberikan satu pelanggan terbaik kami hadiah khas sebagai tanda terima kasih. Saya mempunyai akses kepada beberapa tiket teater yang saya tahu beliau akan hargai, tetapi saya fikir ia bertentangan dengan dasar syarikat beliau untuk menerimanya. Jika dia tidak keberatan melanggar dasar tersebut dan bersedia untuk pergi, bolehkah saya memberi tiket itu?

J Tidak. Jika anda tahu bahawa pemberian hadiah akan melanggar dasar syarikat penerima, anda tidak seharusnya memberikan hadiah itu. Sekiranya anda tidak pasti jika hadiah dibenarkan, anda harus bertanya. Seperti mana kami mahu orang lain menghormati standard kami, kami perlu menghormati standard mereka.

BERURUSAN DENGAN KERAJAAN

Berbeza – dan seringkali sangat ketat – peraturan yang dikenakan kepada urusan kami dengan agensi dan pegawai kerajaan di pelbagai bidang perniagaan, termasuk hadiah dan hiburan, pengambilan pekerja, bahkan sekadar berkomunikasi dengan orang lain. Apa yang boleh diterima dalam persekitaran perniagaan komersial mungkin tidak boleh diterima dalam urusan kami dengan kerajaan.

Terdapat undang-undang yang mengawal pemberian hadiah, makanan, hiburan, perjalanan, dan faedah lain kepada pegawai dan kakitangan kerajaan. Anda dilarang memberi hadiah, hiburan, atau apa-apa yang bernilai kepada pegawai atau kakitangan kerajaan atau ahli keluarga mereka yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pengurus Pencegahan Rasuah dan Jabatan Perundangan. Peraturan khas juga terpakai ketika mengambil pegawai kerajaan atau ahli keluarga mereka untuk bekerja di Syarikat kami. Jika anda sedang mempertimbangkan tawaran pekerjaan kepada pegawai kerajaan atau ahli keluarga pegawai kerajaan, anda mesti menghubungi Jabatan Perundangan terlebih dahulu untuk memastikan anda mematuhi undang-undang yang berkaitan.

Selain itu, dalam semua interaksi kami dengan pegawai dan kakitangan kerajaan, penting bagi kami untuk memastikan bahawa semua pernyataan dan komunikasi adalah benar, lengkap, dan tepat. Kami juga mesti merakam semua masa, kos, dan caj dengan tepat ke akaun yang sesuai. Dan, jika berkaitan, kami mesti memastikan bahawa kami mematuhi semua syarat pengendalian maklumat rahsia dan sensitif kerajaan.

PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Syarikat kami menjalankan perniagaan di seluruh dunia, dan kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan yang mengawal cara kami menjalankan perniagaan merentasi sempadan, termasuk cara kami mengimport dan mengeksport produk. Kami juga tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang melarang kami menjalankan perniagaan di beberapa negara atau dengan individu atau organisasi tertentu. Jika tanggungjawab anda melibatkan penjualan atau pemindahan barangan, perkhidmatan, atau teknologi antara negara, walaupun di kalangan atau di antara anak-anak syarikat SEG, anda harus maklum mengenai undang-undang dan dasar semasa Syarikat dalam bidang ini dan semak dengan Jabatan Perundangan jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

PERDAGANGAN ORANG DALAM

Kami mematuhi semua undang-undang sekuriti yang berkaitan. Anda tidak boleh membeli atau menjual sekuriti Syarikat apabila anda memiliki maklumat bukan awam material (kadangkala dipanggil "maklumat dalaman") mengenai Syarikat. Ini dikenali sebagai "perdagangan orang dalam," dan ia adalah haram. Maklumat dalaman merupakan maklumat yang pelabur anggap penting dalam menentukan sama ada untuk membeli atau menjual sekuriti. Contohnya termasuklah keputusan kewangan, kontrak baru atau yang tidak disengajakan, maklumat produk, hasil jualan, dan perubahan kakitangan penting. Mengirim maklumat tersebut kepada seseorang yang boleh membeli atau menjual sekuriti, dikenali sebagai "tip," juga menyalahi undang-undang. Larangan ini terpakai kepada sekuriti SEG dan sekuriti syarikat lain jika anda mempelajari maklumat bukan umum mengenai syarikat lain (seperti pembekal atau pelanggan kami) semasa menjalankan tugas anda untuk SEG.

S Anda mengetahui melalui kerja anda bahawa Syarikat kami mungkin mengambil alih sebuah syarikat teknologi dalam beberapa bulan akan datang. Tanpa memberitahu abang anda sebarang butiran, anda mencadangkan kepada beliau untuk membeli saham dalam syarikat teknologi tersebut. Adakah ianya suatu masalah?

J Ya, terdapat suatu masalah. Walaupun anda tidak memberikan sebarang butiran kepada abang anda, anda mungkin terlibat memberikan "tip" dengan mencadangkan agar beliau membeli saham dalam syarikat teknologi tersebut.

S Semasa menjalankan tugas saya, saya terdengar bahawa salah seorang pelanggan korporat kami akan mengumumkan bahawa beliau akan mendapat kontrak yang besar. Bolehkah saya membeli stok di syarikat mereka?

J Tidak, kerana ini melibatkan maklumat dalaman pelanggan, yang anda peroleh semasa anda bekerja dengan Syarikat kami.

SUMBANGAN DAN AKTIVITI POLITIK

Kami mematuhi semua undang-undang yang mengawal penyertaan Syarikat dalam hal ehwal politik, termasuk undang-undang yang mengawal jika dan bagaimana kami menyumbang kepada calon politik dan parti dan berusaha mempengaruhi tindakan kerajaan. Undang-undang dalam bidang ini adalah rumit, dan ianya berbeza mengikut tempat di mana Syarikat kami menjalankan perniagaan. Anda perlu merujuk kepada Perunding Pematuhan Tempatan Anda, Pengurus Pencegahan Rasuah, dan Jabatan Perundangan sebelum menggunakan sumber Syarikat kami untuk menyokong calon politik atau parti, atau sebelum anda berinteraksi dengan kakitangan awam sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi pihak Syarikat kami demi memberikan kesan terhadap undang-undang atau tindakan kerajaan.

S Seorang pengurus meminta saya menyumbang kepada calon politik. Dia memberitahu saya bahawa Syarikat akan "membalas kepada anda". Adakah itu dibenarkan?

J Tidak, itu tidak dibenarkan. Anda harus menolak permintaan itu dan melaporkan perkara itu menggunakan sumber yang diterangkan di dalam Kod ini.

KOMITMEN KAMI KEPADA SYARIKAT



BUKU DAN REKOD SYARIKAT

Di Syarikat kami, kami melengkapkan semua dokumen perniagaan secara tepat, jujur, dan tepat pada masanya, termasuk semua laporan perjalanan dan perbelanjaan. Laporan dan dokumen yang dihantar kepada pihak berkuasa kerajaan, termasuk laporan kewangan berkala kami, dibuat secara menyeluruh, adil, tepat dan menepati masa. Sekiranya berkaitan, dokumen mestilah dikuatkuasakan dengan betul. Aktiviti kewangan Syarikat direkodkan menurut undang-undang dan amalan perakaunan yang berkaitan. Kami tidak boleh memasukkan maklumat palsu atau mengelirukan ke dalam rekod Syarikat dan tidak dibenarkan memadam maklumat yang perlu direkodkan daripada rekod kami.

Kami juga mesti menyimpan rekod Syarikat menurut jangka masa dan cara yang ditetapkan oleh undang-undang dan dasar Syarikat.

S Minggu ini adalah minggu terakhir dalam tempoh laporan suku tahunan. Bos saya mahu pastikan kami memenuhi sasaran kami untuk suku tersebut, jadi beliau meminta saya untuk merekodkan jualan, walaupun dokumentasi itu tidak lengkap. Saya rasa ini tidak akan memudaratkan sesiapa pun - bolehkah saya berbuat seperti yang diminta?

J Tidak, anda tidak boleh. Melainkan jika dasar menggariskan sebaliknya, jualan hanya boleh dilaporkan selepas kontrak dimuktamadkan. Anda harus melaporkan perkara ini kepada Jabatan Perundangan, Divisyen Perakaunan, atau melalui sumber lain yang dikenal pasti dalam Kod.

S Seorang rakan sekerja meminta anda memadam e-mel tertentu kerana dia percaya tuntutan mahkamah akan difailkan dan e-mel tersebut boleh mendatangkan malu. Bolehkah anda melakukannya?

J Tidak. Ia akan melanggar dasar kami - dan kemungkinan undang-undang - mengenai penjagaan rekod yang relevan kepada pertikaian undang-undang. Anda mesti melaporkan perkara itu menggunakan prosedur yang digariskan dalam Kod ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Di Syarikat kami, setiap daripada kami bertanggungjawab untuk membuat keputusan yang memberi kesan kepada Syarikat berdasarkan kepentingan terbaik Syarikat, bebas dari pengaruh luar. Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi berpotensi untuk mengganggu keupayaan anda melaksanakan tugas demi Syarikat kami secara objektif dan berkesan. Kewajipan kami untuk menjalankan perniagaan Syarikat kami secara jujur dan beretika meliputi pengendalian bersesuaian bagi situasi yang menimbulkan konflik kepentingan, atau yang mewujudkan persepsi di antara yang lain bahawa konflik mungkin wujud. Sekiranya anda percaya bahawa anda mempunyai konflik, atau jika anda mengetahui tentang kemungkinan konflik, anda patut mendedahkannya kepada penyelia anda, Perunding Pematuhan Tempatan anda atau Jabatan Perundangan dengan serta merta.

Walaupun mustahil untuk menggambarkan setiap situasi di mana konflik kepentingan mungkin timbul, berikut adalah beberapa contoh jenis situasi yang mungkin menimbulkan konflik dan harus didedahkan:

- **Kepentingan kewangan** di dalam syarikat yang menjalankan perniagaan atau yang mencari peluang perniagaan dengan Syarikat kami, termasuk pelanggan atau pembekal, atau pesaing kami. Kami tidak boleh membenarkan pelaburan kewangan peribadi kami mempengaruhi, atau kelihatan mempengaruhi, penghakiman bebas kami bagi pihak Syarikat kami. Ini boleh terjadi dalam pelbagai cara, tetapi konflik berkemungkinan besar berlaku apabila anda mempunyai pelaburan di dalam syarikat pesaing, pembekal, atau pelanggan dan keputusan yang anda buat bagi pihak Syarikat kami memberi manfaat kepada pihak ketiga.
- **Bekerja** dengan, atau menjadi perunding kepada, pesaing Syarikat kami, pembekal, pelanggan, atau rakan perniagaan lain.
- **Mengarahkan perniagaan Syarikat kami kepada pembekal, ejen, pengedar, atau kontraktor** yang dimiliki atau diuruskan secara langsung atau tidak langsung oleh anda, ahli keluarga anda, atau rakan rapat.
- **Peluang korporat**, yang bermaksud mengambil peluang peribadi daripada peluang perniagaan yang anda ketahui kerana kerja anda di Syarikat kami.
- Mengambil bekerja, menaikkan pangkat, atau menyelia **ahli keluarga** di Syarikat kami.
- **Berkhidmat di lembaga pengarah atau badan penasihat lain** dalam organisasi yang merupakan pesaing, pelanggan, atau pembekal Syarikat kami.

S Kakak ipar saya memiliki syarikat yang ingin menjadi pembekal kepada Syarikat kami. Syarikat tersebut menawarkan perkhidmatan terbaik pada harga terbaik, dan saya ingin mengambilnya. Adakah itu konflik kepentingan?

J Mungkin, walaupun anda merasakan bahawa syarikat kakak ipar anda akan menawarkan nilai yang lebih baik untuk Syarikat kami berbanding pesaingnya. Anda patut memaklumkan keadaan ini kepada Penyelia atau Perunding Pematuhan Tempatan. Anda tidak sepatutnya terlibat di dalam atau mempengaruhi keputusan sama ada untuk berurusan dengan syarikat kakak ipar anda. Dan, jika syarikat kakak ipar anda menjadi pembekal, anda tidak seharusnya memegang jawatan yang berkaitan dengan pembuatan keputusan atau penyeliaan pembekal dan harus menahan diri daripada memberikan sebarang pengaruh terhadap hubungan antara Syarikat kami dan pembekal.

PERLINDUNGAN DAN PENGGUNAAN ASET SYARIKAT DENGAN BETUL DAN PENCEGAHAN PENIPUAN

Setiap daripada kami mempunyai kewajipan untuk melindungi aset Syarikat kami, dan mencegah dan melaporkan penipuan dan kecurian. Penipuan, kecurian, kecuaiian, dan pembaziran mempunyai kesan langsung ke atas keuntungan Syarikat kami. Kecuali yang dibenarkan, aset Syarikat, termasuk masa, peralatan, bahan, sumber dan maklumat Syarikat, mesti digunakan untuk tujuan perniagaan sahaja. Apabila anda meninggalkan Syarikat, semua harta Syarikat mesti dikembalikan kepada Syarikat.

S Bolehkah saya memberikan pembekal kami maklumat tentang perniagaan katering isteri saya?

J Tidak. Memberikan pembekal kami maklumat tentang perniagaan katering isteri anda tidak boleh dibenarkan kerana ia melibatkan penggunaan sumber Syarikat (senarai pembekal kami) untuk tujuan perniagaan peribadi. Pembekal kami mungkin berasa bertanggungjawab untuk melakukan perniagaan dengan syarikat isteri anda, dan ini boleh mempengaruhi hubungan Syarikat kami dengan pembekal kami.

MAKLUMAT SULIT DAN HARTA INTELEKTUAL LAIN

Kami semua mempunyai tanggungjawab untuk melindungi maklumat rahsia Syarikat dan pihak ketiga kami termasuk pelanggan. Kami tidak mendedahkan maklumat rahsia kepada sesiapa di dalam atau di luar Syarikat melainkan kami diminta secara sah dan diberi kuasa untuk berbuat demikian. Kami mematuhi dasar Syarikat untuk melindungi maklumat tersebut daripada dicuri atau disalahguna oleh orang lain. Maklumat sulit meliputi semua maklumat bukan umum yang mungkin berguna kepada pesaing, atau membahayakan Syarikat atau pelanggannya dan pihak ketiga jika didedahkan. Contohnya maklumat rahsia termasuklah

- Data kewangan
- Rahsia perdagangan dan pengetahuan
- Peluang- peluang pengambilalihan dan peluang penyahlaburan
- Maklumat pelanggan dan pembekal
- Maklumat pekerja kami
- Pelan pemasaran

Kewajipan anda untuk menyimpan kerahsiaan maklumat berterusan walaupun selepas menamatkan pekerjaan dengan Syarikat, dan anda juga tidak boleh mendedahkan maklumat rahsia bekas majikan anda kepada Syarikat kami. Di samping itu, kami tidak menggunakan cara yang tidak sah atau tidak beretika (seperti mencuri, mengintip, atau memberi gambaran yang salah) untuk mendapatkan maklumat rahsia orang lain.

Kami juga menghormati dan melindungi harta intelek Syarikat kami dan syarikat lain. Jangan melanggar hak paten, hak cipta, tanda niaga dan lain-lain bentuk harta intelek, dan mengambil langkah yang sesuai untuk melindungi harta intelek. Jika anda mempunyai soalan mengenai harta intelek, rujuk Jabatan Perundangan dan Jabatan Harta Intelek.

S Seorang bekas rakan sekerja meminta saya satu salinan laporan sulit yang disediakan semasa dia masih bekerja dengan Syarikat kami. Bolehkah saya memberikannya?

J Tidak. Walaupun bekas rakan sekerja anda menyediakan laporan tersebut semasa beliau bekerja di Syarikat kami itu tidak bermakna beliau dibenarkan menerima salinannya sekarang. Anda harus berbincang dengan penyelia anda tentang bagaimana untuk membalas permintaan ini.

INTERNET DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI MAKLUMAT

Ramai di antara kita mempunyai akses kepada Internet dalam kerja kami atau komputer peribadi dan telefon. Walaupun penggunaan peranti teknologi peribadi semasa bekerja mungkin dibenarkan, berhati-hati untuk melindungi reputasi Syarikat dan maklumat perniagaan kami. Jangan sekali-kali menyiarkan komen di Internet, termasuk di media sosial, yang memfitnah, mengganggu atau mengancam orang lain. Dan jangan menghantar komen bagi pihak Syarikat melainkan anda telah diberi kuasa secara khusus untuk berbuat demikian.

Anda harus mematuhi semua dasar Syarikat kami apabila menggunakan sumber teknologi Syarikat. Adalah sangat penting bahawa anda mengambil semua langkah yang diperlukan untuk melindungi komputer anda dan sumber teknologi lain. Sekiranya anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa kata laluan anda atau keselamatan komputer Syarikat, telefon, atau sumber teknologi lain telah terancam, anda mesti menukar kata laluan anda dengan serta-merta dan melaporkan insiden itu, jika di Jepun, kepada Ketua Pengurus Keselamatan atau Meja Bantuan Insiden Keselamatan Siber, atau, jika di luar Jepun, kepada Jabatan Teknologi Maklumat masing-masing.

Semua fail peribadi yang disimpan di dalam komputer Syarikat adalah milik Syarikat. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang berkaitan, Syarikat boleh menyemak semula sebarang fail yang disimpan atau dihantar kepada komputer dan sumber komunikasi syarikat, termasuk mesej e-mel.

S Penyelia saya meminta saya kata laluan komputer saya kerana saya akan bercuti. Adakah ini okey?

J Tidak. Tidak ada alasan perniagaan yang memerlukan anda memberikan kata laluan kepada penyelia anda.

BERHUBUNGAN DENGAN PIHAK MEDIA DAN LAIN-LAIN

Syarikat kami sering menerima permintaan untuk mendapatkan maklumat daripada pihak media, penganalisis kewangan, dan lain-lain. Matlamat kami adalah untuk berkomunikasi dengan tepat, konsisten dan mematuhi undang-undang keselamatan berkenaan pendedahan maklumat syarikat awam.

Jika anda bukan jurucakap rasmi Syarikat, anda tidak patut berkomunikasi dengan pihak media, penganalisis sekuriti, pemegang saham, di media sosial, atau di tempat lain sebagai wakil Syarikat melainkan anda telah diberi kuasa secara khusus untuk berbuat demikian oleh Jabatan Perhubungan Awam. Jangan cuba menjawab sendiri pertanyaan media, walaupun anda tahu jawapannya. Permintaan untuk maklumat kewangan atau lain-lain maklumat mengenai Syarikat daripada pihak media, komuniti kewangan, pemegang saham, atau orang awam harus dirujuk ke Jabatan Perhubungan Awam. Permintaan maklumat daripada pihak berkuasa atau kerajaan perlu dirujuk kepada Perunding Pematuhan Tempatan dan Jabatan Perundangan.

S Saya membaca satu artikel dalam talian yang mengandungi maklumat palsu tentang perniagaan kami. Bolehkah saya memberi maklum balas?

J Anda tidak patut memberikan maklum balas kepada artikel itu melainkan anda telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh Jabatan Perhubungan Awam. Sebaliknya anda harus merujuk artikel tersebut kepada Jabatan Perhubungan Awam atau Jabatan Perundangan, yang boleh memberi maklum balas bagi pihak Syarikat.

KOMITMEN KAMI KEPADA

Pekerja Kami Dan Alam Sekitar Kami



MENGHORMATI SATU SAMA LAIN

Cara kami melayani satu sama lain memberi kesan kepada cara kami melakukan pekerjaan kami. Kami semua mahu dan berhak mendapat tempat kerja di mana kami diperlakukan dengan rasa hormat. Kami masing-masing mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang kepada penciptaan persekitaran sedemikian, dan penyelia mempunyai tanggungjawab khusus untuk memupuk tempat kerja yang mendokong kejujuran, integriti, kehormatan, dan kepercayaan.

ANTI DISKRIMINASI DAN GANGGUAN

Di Syarikat kami, kami menghargai, menyokong, dan menghormati kepelbagaian dan percampuran sebagai kunci kejayaan kami sebagai sebuah syarikat global. Atas sebab ini, kami tidak mendiskriminasi berdasarkan kaum, etnik, negara asal, agama, umur, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan, atau ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkaitan. Cerita jenaka, komen, gambar, gerak geri yang menyinggung perasaan atau yang menyentuh ciri yang dilindungi boleh menjadi gangguan, di mana Syarikat kami tidak bertolak ansur.

S Beberapa pekerja lain dalam kumpulan berjenaka tentang penampilan fizikal saya. Saya tahu mereka tidak bermaksud untuk mendatangkan kemudaratan, tetapi jenaka itu mengganggu saya dan saya telah meminta mereka supaya berhenti. Mereka menjawab bahawa saya harus meningkatkan rasa humor saya. Apakah yang patut saya lakukan?

J Anda harus memaklumkan kepada Sumber Manusia, Jabatan Perundangan, atau Perunding Pematuhan Tempatan anda mengenai keadaan ini. "Jenaka" yang anda maksudkan adalah tidak lucu kepada Syarikat kami. Bahkan ia boleh menjadi pelanggaran komitmen kami terhadap keadilan, rasa hormat dan maruah.

S Anda ingin memohon pekerjaan di jabatan lain dalam Syarikat kami, tetapi anda diberitahu penyelia jawatan tersebut berpendapat jawatan itu harus diisi oleh pekerja lelaki muda. Adakah ini dibenarkan?

J Tidak. Syarikat tidak membenarkan sikap diskriminasi mengenai umur, jantina, atau mana-mana kategori lain yang dilindungi oleh undang-undang untuk mempengaruhi keputusan pengambilan pekerja. Anda harus melaporkan perkara itu kepada mana-mana sumber yang dikenal pasti dalam Kod ini.

PRIVASI PEKERJA DAN DATA PERIBADI

Kami menghormati privasi dan maruah semua individu. Syarikat kami mengumpul dan menjaga maklumat peribadi yang berkaitan dengan pekerjaan anda, termasuk maklumat perubatan dan faedah. Banyak negara mengawal bagaimana syarikat mengumpul, menyimpan dan menggunakan "data peribadi," yang merangkumi nama, alamat, dan maklumat lain individu. Penjagaan khas diambil untuk menghadkan akses terhadap maklumat peribadi oleh kakitangan Syarikat dengan keperluan untuk mengetahui maklumat tersebut hanya demi tujuan perniagaan yang sah. Pekerja yang bertanggungjawab untuk menjaga maklumat peribadi dan mereka yang diberikan akses kepada maklumat tersebut tidak boleh mendedahkan maklumat peribadi yang melanggar undang-undang yang berkaitan atau dasar Syarikat.

Anda harus arif dengan dan mematuhi dasar-dasar Syarikat dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pekerjaan anda.

S Anda mengetahui bahawa rakan sekerja anda cuba mengakses alamat rumah dan nombor telefon pekerja lain untuk memberitahu mereka tentang acara komuniti. Haruskah anda melakukan sesuatu?

J Anda harus menjelaskan kepada rakan sekerja anda bahawa beliau tidak boleh mengakses atau menggunakan maklumat untuk tujuan ini. Sekiranya anda percaya bahawa beliau masih cuba melakukannya, anda harus melaporkan perkara tersebut kepada penyelia anda, Sumber Manusia, atau menggunakan prosedur lain yang digariskan dalam Kod .

KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

Syarikat komited untuk memastikan pekerja kami sihat dan dapat menikmati tempat kerja yang selamat, dan kami semua berkongsi tanggungjawab tersebut. Anda harus mengetahui dan mengikuti semua garis panduan keselamatan dan melaporkan sebarang keadaan kerja yang tidak selamat atau kemalangan di tempat kerja. Sebarang perbuatan atau ancaman lisan atau keganasan fizikal terhadap orang lain atau penyalahgunaan harta Syarikat hendaklah dilaporkan dengan serta-merta kepada Sekuriti, penyelia anda, atau lain-lain sumber Syarikat yang berkaitan.

Anda tidak boleh hadir bekerja atau bekerja di bawah pengaruh ubat-ubatan yang tidak sah atau minuman beralkohol. Tiada pekerja boleh membawa senjata ke tempat kerja (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkaitan).

S Penyelia saya meminta saya melangkaui beberapa pemeriksaan keselamatan kerana kesuntukan masa. Apakah yang patut saya lakukan?

J Jangan langkau prosedur ini. Tidak kira siapa yang meminta anda berbuat demikian, jika anda tahu bahawa ia salah, jangan lakukannya. Sekiranya anda tidak selesai membincangkan perkara ini dengan penyelia anda, hubungi penyelia kepada penyelia anda, Jabatan Perundangan, atau mana-mana sumber lain yang dikenalpasti dalam Kod ini.

KUALITI

Syarikat kami komited untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi secara konsisten. Komitmen terhadap kualiti ini meliputi seluruh bahagian organisasi kami – dalam setiap perniagaan dan setiap lokasi.

S Kami menggunakan kontraktor untuk melupuskan beberapa bahan terkawal. Berdasarkan beberapa komen yang saya dengar daripada pekerja mereka, saya fikir mereka mungkin tidak melupuskan bahan-bahan tersebut secara sah. Oleh kerana ia adalah kontraktor yang tidak patuh, adakah ia penting kepada kami?

J Ya, ia penting. Apa yang dilakukan oleh kontraktor dapat mewujudkan liabiliti bagi Syarikat kami, dan, walaupun tidak ada liabiliti undang-undang, ia tetap merupakan perkara penting. Jangan abaikan jika anda berpendapat salah satu rakan perniagaan kami tidak patuh. Bercakap dengan penyelia anda, Perunding Pematuhan Tempatan anda, Jabatan Perundangan, atau mana-mana sumber lain yang dikenal pasti dalam Kod ini.

PEMATUHAN ALAM SEKITAR


Syarikat kami komited terhadap pengawasan alam sekitar dan pengurangan kesan alam sekitar daripada aktiviti kami. Kami mematuhi semua undang-undang alam sekitar yang berkaitan. Setiap daripada kami bertanggungjawab untuk mengetahui tanggungjawab alam sekitar yang terpakai kepada pekerjaan kami, dan menjalankan perniagaan berdasarkan tanggungjawab tersebut.

HAK ASASI MANUSIA


Syarikat kami komited untuk menyokong dan mendahulukan hak asasi manusia di semua komuniti di mana kami beroperasi. Kami menentang buruh kanak-kanak dan buruh paksa, dan kami memperlakukan semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat. Kami juga menggalakkan kontraktor dan pembekal kami untuk menyokong dan mendahulukan hak asasi manusia. Kami lebih suka bekerja dengan mereka yang berkongsi dan menyokong nilai Syarikat secara aktif.

**SAYA BERHADAPAN DENGAN
DILEMA ETIKA.**

**KE MANA SAYA
BOLEH RUJUK**



Anda digalakkan bertanya soalan dan mendapatkan bimbingan. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk menyuarakan dan melaporkan kelakuan yang kita percaya adalah haram, tidak selamat, atau tidak beretika. Membangkitkan kebimbangan boleh melindungi Syarikat dan pekerja kita. Terdapat beberapa cara anda boleh mendapatkan bimbingan atau membangkitkan kebimbangan. Syarikat melarang tindakan balas terhadap sesiapa yang dengan ikhlas hati membawa ke hadapan soalan atau kebimbangan.




BERHUBUNG
DENGAN
**SUMBER
MANUSIA**



MENDAPATKAN
BIMBINGAN DARIPADA
**PERUNDING
PEMATUHAN
TEMPATAN**



HUBUNGI
**JABATAN
PERUNDANGAN**



BERCAKAP
DENGAN
**PENYELIA
ANDA**

LAPORKAN DALAM TALIAN,
HUBUNGI TALIAN KHIDMAT
PELANGGAN, ATAU EMAIL:

**[http://global-sei.com/company/
compliance-hotlines.html](http://global-sei.com/company/compliance-hotlines.html)**

Tatakelakuan (Code Of Conduct) Kumpulan Sumitomo Electric

Jawatankuasa Pematuhan, Sumitomo Electric Industries, Ltd.

(Pejabat: Kumpulan Pematuhan, Pejabat Pemantauan & Pengurusan Risiko)

April 2018, Edisi Pertama, Tatakelakuan (Code of Conduct)

 Sumitomo Electric Industries, Ltd.

Sumitomo Electric Industries, Ltd.
4-5-33 Kitahama, Chuo-ku
Osaka 541-0041, Jepun

<http://global-sei.com>